



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**FAKTOR-FAKTOR BERKAITAN PELAJAR MALAYSIA  
MELANJUTKAN PELAJARAN KE INSTITUSI PENGAJIAN  
TINGGI DI MEDAN INDONESIA**

**ZULFIKAR AMIR**

**FPP L 1993 5**

**Faktor-faktor Berkaitan Pelajar Malaysia Melanjutkan  
Pelajaran Ke Institusi Pengajian Tinggi  
Di Medan Indonesia**

Oleh

**Zulfikar Amir**

**Kertas Projek Yang Dikemukakan Untuk Memenuhi  
Sebahagian Daripada Syarat Bagi Mendapatkan Ijazah  
Master Sains (Pembangunan Sumber Manusia)  
di Pusat Pengembangan Dan Pendidikan Lanjutan  
Universiti Pertanian Malaysia**

**Disember 1993**



## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah (S.W.T) di atas limpah kurniaNya, sehingga saya dapat menyelesaikan kertas projek ini. Selesainya kajian ini dijalankan adalah tidak terlepas dari bantuan, dorongan, dan kerjasama yang sangat bernilai dari berbagai pihak. Semoga segala budi baik dan jasa mereka mendapat balasan Allah (S.W.T).

Disini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Profesor Madya Dr.Hj. Saidin Bin Teh di atas segala bimbingan, nasihat, saranan, dan tunjukajar sejak peringkat penyediaan cadangan penyelidikan hingga ke peringkat kertas projek ini disempurnakan. Kesabaran dan ketekunan beliau serta perbincangan yang terus menerus adalah kunci utama sehingga membolehkan kertas projek ini disempurnakan sesuai dengan masa yang dirancangkan.

Setinggi-tinggi terima kasih saya ucapkan juga kepada YBhg. Profesor Madya Dato' Dr. Hj. Mohd. Nasir Ismail, Pengarah Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan (PPPL) Universiti Pertanian Malaysia yang banyak memberi galakan, saranan, dan nasihat selama saya mengikuti program sarjana.

Penghargaan ikhlas saya tujuhan kepada semua Pensyarah di Jabatan Komunikasi Pembangunan dan Jabatan Pendidikan Pengembangan, dan Unit Belia kerana ilmu pengetahuan, pengalaman, dan segala rupa tunjukajar mereka yang sangat bernilai tinggi sehingga saya mendapat banyak manfaat.

Penghargaan ikhlas saya tujuhan juga kepada semua kakitangan PPPL kerana semua bantuan dan kerjasama yang ikhlas sejak masa saya mendaftar sehingga menyempurnakan kertas projek ini. Juga penghargaan dan terimakasih saya ucapkan kepada Konsulat Jeneral Malaysia di Medan, khususnya En. Burhanuddin Ijab selaku Penasihat Pelajar Malaysia (PPM) dan Saudara Kamaruddin Hussein selaku Yang Dipertua (YDP) Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Malaysia di Indonesia (PKPMI) di Medan, dan semua pelajar Malaysia di Medan, Sumatera Utara Indonesia.

Ucapan terima kasih dan hormat saya ingin tujuhan kepada Yang Berhormat (YB) Bapak Prof. H.M Yusuf Hanafiah selaku Rektor Universiti Sumatera Utara Medan, dan Puan Prof. Dr. Asma Affan, MPA selaku Dekan Fakulti Ilmu Sosial dan Ilmu Politik Universiti Sumatera Utara Medan, kerana kerjasama dan bantuan

mereka selama saya mengikuti program Master di Universiti Pertanian Malaysia.

Akhir sekali kepada bapa dan ibu tercinta, Haji Amir Hamzah Nuh Miraza dan Hajjah Nursyamsu Syamsuddin serta isteri yang disayangi Yenni Izwari Muhammad Arifin S., serta anak-anak yang kukasihi Muhammad Afdhal Hussein, Muhammad Akmal Hussein dan Aisyah Khairunnisa. Serta seluruh keluarga yang telah banyak memberikan dorongan dan sokongan di sepanjang pengajian yang saya tempuh.

Semoga segala apa jua bentuk sokongan, bantuan, dan nasihat yang diberikan kepada saya, mendapat balasan daripada Allah (S.W.T). Amin Yaa Rabbal 'Alamin.

## JADUAL KANDUNGAN

### Muka Surat

PENGHARGAAN.....	iii
KANDUNGAN.....	v
SENARAI JADUAL.....	ix
SENARAI RAJAH.....	xi
ABSTRAK.....	xii
ABSTRACT.....	xv

### BAB

I PENDAHULUAN.....	1
Latar Belakang.....	4
Pernyataan Masalah.....	7
Objektif Kajian.....	8
Kepentingan Kajian.....	8
Batasan Kajian.....	10
Definisi Istilah.....	10
II MODEL LINGKARAN RESPON DAN BAHAN BERTULIS.....	12
Model Lingkaran Respons.....	12
Bahan-bahan Bertulis Berkenaan Dengan Melanjutkan Pelajaran Ke Luar Negara.....	14
III METODOLOGI KAJIAN.....	28
Bentuk Kajian.....	28
Alat Kajian.....	29

**Muka Surat**

Populasi Kajian.....	41
Persampelan.....	42
Pengumpulan Data.....	43
Cara Menganalisis Data.....	44
<b>IV HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN.....</b>	<b>45</b>
Ciri Dan Latar belakang Responden.....	45
Sumber-sumber Informasi Yang Digunakan Berkenaan Melanjutkan Pelajaran Ke IPT Di Medan Indonesia.....	56
Perkara-perkara Yang Berminat Untuk Diketahui.....	60
Cara dan Kekerapan Menghubungi Sumber Informasi.....	64
Faktor-faktor Yang Mendorong Pelajar Malaysia Melanjutkan Pelajaran Ke Indonesia.....	67
Perkara-perkara Yang Dikuatir Responden Apabila Tamat Pengajian Dan Balik Semula Ke Malaysia.....	80
Alasan Khusus Memilih IPT Di Indonesia Dan Tidak Ke Negara-negara Lain.....	86
Masalah-masalah Yang Dialami Responden Sepanjang Pengajian Di IPT Medan.....	88
Cadangan Responden Untuk Mengatasi Masalah Yang Dialami Sepanjang Melanjutkan Pelajaran Ke IPT Di Medan Indonesia.....	91
Perbincangan Model Cross.....	93

**Muka Surat**

V	<b>RINGKASAN, RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN.....</b>	95
	Ringkasan Permasalahan Kajian.....	95
	Ringkasan Objektif Kajian.....	95
	Ringkasan Metodologi Kajian.....	96
	Ringkasan Keputusan Analisis Data.....	98
	Rumusan Dan Perbincangan.....	103
	Implikasi Kajian.....	107
	Cadangan Untuk Kajian Selanjutnya.....	110
	<b>BIBLIOGRAFI.....</b>	113

**LAMPIRAN**

A	Soal Selidik Yang Digunakan.....	115
B	Surat-surat Kebenaran Menjalankan Kajian.....	128
C	Cadangan Responden Untuk Mengatasi Masalah.....	131
D	Senarai Pelajar Malaysia Di Indonesia.....	139
E	Informasi Yang Diperolehi Berkennaan Pelanjutan Pelajaran Di IPT Indonesia.....	140
F	Alasan Berminat Mengetahui Perkara Berkennaan Pelanjutan Pelajaran Ke IPT Indonesia.....	142
G	Individu Dan Organisasi Yang Dihubungi Oleh Responden Berkennaan Pelanjutan Pelajaran Di Indonesia.....	144
H	Alasan Yang Mendorong Responden Melanjutkan Pelajaran Di IPT Indonesia.....	145

**Muka Surat**

I	Alasan Yang Dikuatir Responden Apabila Tamat Pengajian.....	148
J	Alasan Khusus Memilih IPT Di Indonesia.....	149
K	Alasan Yang Dialami Responden Berkenaan Masalah Pelanjutan Pelajaran Di Indonesia.....	150
VITA.....		151

## SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1 Alasan Pelajar-pelajar Melanjutkan Pelajaran Ke IPT Di Australia.....	15
2 Bilangan Pemohon Dan Kuota Kemasukan Ke IPT Tempatan Mengikut Tahun (Warganegara Malaysia).....	22
3 Bilangan Pelajar Malaysia Yang Melanjutkan Pelajaran Ke Luar Negara (Mengikut Tahun).....	23
4 Taburan Responden Mengikut Umur.....	46
5 Taburan Responden Mengikut Agama.....	47
6 Taburan Responden Mengikut IPT Tempatan Dan Luar Negara Yang Dipohon.....	48
7 Taburan Responden Mengikut Fakulti Yang Dimasuki.....	49
8 Taburan Responden Mengikut Pekerjaan ibu bapa/penjaga.....	50
9 Taburan Responden Mengikut Pendidikan ibu bapa/penjaga.....	51
10 Taburan Responden Mengikut Pendapatan Bulanan ibu bapa/penjaga.....	52
11 Taburan Responden Mengikut Sumber Biasiswa/Pinjaman.....	53
12 Taburan Responden Mengikut Jumlah Wang Bulanan Secara Persendirian.....	54
13 Taburan Responden Mengikut Nilai Pra Universiti.....	55
14 Taburan Responden Mengikut Sumber-sumber Informasi Yang Digunakan.....	56

15	Taburan Responden Mengikut Perkara-perkara Yang Berminat Untuk Diketahui.....	61
16	Taburan Responden Mengikut Cara Dan Kekerapan Menghubungi Sumber Informasi.....	65
17	Taburan Responden Mengikut Faktor-faktor Yang Mendorong Untuk Melanjutkan Pelajaran Ke IPT Di Indonesia.....	68
18	Taburan Responden Mengikut Perkara-perkara Yang Dikuatir Apabila Tamat Pengajian Dan Balik Ke Malaysia.....	80
19	Taburan Responden Mengikut Alasan -alasan Khusus Memilih IPT Di Indonesia Dan Tidak Ke Negara Lain Untuk Melanjutkan Pelajaran.....	87
20	Taburan Responden Mengikut Masalah-masalah Yang Dialami Di Sepanjang Pengajian Di Medan, Indonesia.....	89

**SENARAI RAJAH**

Rajah	Muka Surat
1 Model Lingkaran Respons Oleh Cross (1984).....	13

Abstrak projek penyelidikan yang dikemukakan kepada Senat Universiti Pertanian Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat bagi mendapatkan Ijazah Master Sains.

**FAKTOR-FAKTOR BERKAITAN PELAJAR MALAYSIA  
MELANJUTKAN PELAJARAN KE INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI  
DI MEDAN, INDONESIA**

Oleh

ZULFIKAR AMIR

Disember 1993

Penyelia Utama : Prof. Madya Dr. Hj. Saidin Bin Teh.

Fakulti : Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan.

Kajian ini betujuan meninjau faktor-faktor yang mendorong pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Medan Indonesia, sumber maklumat yang digunakan untuk memperolehi maklumat mengenai perlanjutan pelajaran ke Indonesia, dan masalah yang dialami pelajar di sepanjang pengajian mereka di Indonesia.

Kajian ini berbentuk deskriptif menggunakan soal selidik. Populasi kajian ini terdiri daripada 202 pelajar Malaysia yang sedang melanjutkan pelajaran di peringkat Sarjana Muda di berbagai IPT negeri dan swasta di Medan, pada sesi Julai 1993. Persampelan rawak mudah digunakan dalam kajian ini iaitu mengasingkan pelajar mengikut jantina, IPT, fakulti, bidang pelajaran, dan tahun pengajian. Selanjutnya, diambil 50 peratus

daripada tiap lapisan tersebut dengan cara sampel rawak mudah. Analisis data menggunakan program SPSS-X dan dibentang dalam bentuk frekuensi dan peratusan.

Pada keseluruhan kajian ini didapati lapan faktor utama yang mendorong pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran di IPT di Medan Indonesia, iaitu kemauan diri sendiri yang kuat, adanya bidang pelajaran yang diminati, kedudukan Indonesia yang dekat dengan Malaysia, dorongan yang kuat daripada Ibu Bapa/Penjaga, bahasa pengantar yang mudah difahami, keinginan membantu Ibu Bapa/Penjaga selepas tamat pengajian, ijazah daripada Indonesia diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia, dan kos pengajian yang rendah di Indonesia.

Kajian juga mendapati empat sumber maklumat utama yang digunakan oleh pelajar untuk mendapatkan maklumat berkenaan perlanjutan pelajaran di Indonesia iaitu: Yayasan Islam Kelantan (YIK), Persatuan Alumni Perguruan Tinggi di Indonesia (PAPTI), saudara mara yang pernah belajar di Indonesia, dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Dua masalah utama yang juga dialami oleh pelajar di sepanjang pengajian mereka di IPT di Medan Indonesia iaitu pengurusan Visa Belajar dan Kartu Izin Menetap Sementara (KIMS) yang sukar dan penilaian pensyarah yang kurang adil.

Berdasarkan kepada semua hasil kajian ini, beberapa cadangan telah dibuat berkenaan dengan faktor-faktor berkaitan pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran di IPT negeri dan swasta di Medan Indonesia.

**Abstract of the project paper presented to the Senate of  
University Pertanian Malaysia in partial fulfilment of  
the requirements for the degree of Master of Science.**

**FACTORS ASSOCIATED MALAYSIAN STUDENTS FURTHER  
STUDY IN INSTITUTIONS OF HIGHER LEARNING  
IN MEDAN, INDONESIA**

By

**ZULFIKAR AMIR**

**December 1993**

**Supervisor : Prof. Madya Dr. Hj. Saidin Bin Teh.**

**Faculty : Centre for Extention and Continuing Education.**

This study was intended to review some factors that encouraged Malaysian students to further their study in Institutions of Higher Learning (IHL) in Medan, Indonesia, their sources of information regarding their study in Indonesia, and the problems they encountered during their study.

This is a descriptive study that uses questionnaires. The population of this study consisted of 202 Malaysian undergraduate who were studying at different state and private IHL in Medan, during the July semester of 1993. Stratified random sampling was used in this study which classified the students according to sex, IHL, faculty, subject and period of studying. From each strata fifty percent of the population was

further randomly sampled. Data analysis used SPSS-X program and it was presented in the form of frequencies and percentages.

Overall, this study has found that there were eight main factors that encouraged the Malaysian students to further their study at IHL in Medan Indonesia: that is their strong will to study, availability of area of interest, proximity of Indonesia to Malaysia, encouragement by their parents/guardians, medium instruction that is easily understood, interest in helping their parents/guardians after finishing their study, recognition of the Indonesian degree, and lower tuition fees in Indonesia.

The study also found these four major information of sources were used by the students in seeking information furthering their study: Kelantan Islamic Foundation, University Alumni Association in Indonesia, relatives who had been studying in Indonesia, and Public Services Department.

Also two major problems were faced by the students during their study at different IHL in Medan Indonesia: these were the management of Student Visa and the difficulties in getting Temporary Dwelling Permission Card, and unfair assessment by lecturers.

Based on the findings of this study, some suggestions have been made regarding the factors related to further the studying at state and private IHL in Medan Indonesia.

## BAB I

### PENDAHULUAN

Faktor yang berkaitan dengan alasan seorang pelajar melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) berbeza di antara sesebuah negara dengan negara yang lain. Ini kerana setiap orang memiliki alasannya yang tersendiri berkenaan memilih sesebuah IPT. Samada kerana alasan tersebut berasal daripada faktor latar belakang dirinya sendiri, faktor keluarganya, ataupun disebabkan faktor yang datang daripada IPT itu sendiri.

Chapman (1981), dan Discenza et al., (1985) mengemukakan bahawa alasan seseorang melanjutkan pelajaran ialah kerana dorongan Ibu Bapa, tersedia biasiswa atau pinjaman, prestasi akademik, pertimbangan biaya dan tempat institusi.

Kajian lainnya mengenai mengapa pelajar dari berbagai negara, termasuk pelajar daripada Malaysia melanjutkan pelajaran ke IPT di Australia dan Britain telah dikaji oleh Rao (1979) dan Williams (1981).

Menurut Rao (1979), antara faktor-faktor berkaitan dengan pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran ke IPT di Australia ialah kerana alasan-alasan seperti berikut:

1. Banyak kemudahan belajar,
2. Ada basiswa atau pinjaman kerajaan,
3. Banyak pilihan bidang pelajaran,
4. Ada basiswa dari luar, dan
5. Penghargaan masyarakat terhadap lulusan luar negara.

Williams (1981) telah mendapati alasan yang dinyatakan oleh pelajar Malaysia yang melanjutkan pelajaran ke Britain adalah kerana faktor-faktor seperti berikut:

1. Peluang mendapat pekerjaan dan pelajaran,
2. Tidak ada kursus di Malaysia,
3. Kursus di Britain lebih baik,
4. Permohonan masuk ke IPT tempatan gagal,
5. Ada basiswa atau pinjaman kerajaan,
6. Syarat kemasukan kurang rumit,
7. Persaingan di Malaysia ketat,
8. Ada saudara mara dan kawan di Britain,
9. Wujud perbezaan minoriti di Malaysia,
10. Britain tempat yang menarik,
11. Alasan-alasan politik,
12. Kurang menguasai Bahasa Inggeris,
13. Kursus di Britain lebih singkat, dan
14. Gagal memohon masuk ke IPT tempatan.

Daripada hasil kajian beberapa sarjana barat di atas jelaslah bahawa faktor berkaitan dengan pelajar Malaysia

melanjutkan pelajaran ke luar negara adalah berbeza-beza di antara satu pelajar dengan pelajar lain.

Salah satu alasan penting yang perlu dikemukakan di dalam kajian ini ialah wujudnya perbezaan di antara kuota kemasukan ke IPT tempatan dan jumlah pelajar yang memohon masuk.

Mengikut data daripada Kementerian Pendidikan tahun 1989, yang ditulis semula oleh Othman (1991) menyatakan bahawa perbandingan di antara jumlah pelajar yang memohon masuk ke IPT tempatan dan kuota kemasukan setiap tahun adalah 23,331 orang pemohon berbanding 9,395 orang.

Ini bererti, sehingga tahun 1989 enam IPT tempatan di Malaysia iaitu Universiti Malaya, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Pertanian Malaysia, dan Universiti Utara Malaysia hanya dapat menerima 40.27 peratus pelajar setiap tahun. Manakala pelajar-pelajar yang tidak dapat diterima di IPT tempatan dianggarkan melanjutkan pelajaran ke luar negara.

Menurut Othman lagi (1991) jumlah pelajar Malaysia yang melanjutkan pelajaran ke luar negara, sejak tahun 1970 sehingga tahun 1989 mengalami peningkatan lebih dari dua kali ganda, iaitu daripada 24,000 orang pelajar pada tahun 1970 meningkat kepada 57,620 orang pelajar pada tahun 1989.

Dalam konteks ini, penyelidik ingin mengetahui mengapa begitu ramai pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran ke IPT di luar negara?. Faktor-faktor apa sahaja yang berkaitan dengan pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran ke IPT di luar negara termasuk sebahagian daripada mereka melanjutkan pelajaran ke IPT di Indonesia?.

#### Latar Belakang

Mengikut data yang diperolehi daripada Jawatankuasa Penuntut-penuntut Malaysia di Indonesia (JPMI) pada 31 Disember 1992, jumlah pelajar Malaysia yang melanjutkan pelajaran ke berbagai tempat di seluruh negeri di Indonesia adalah seramai 956 orang.

Daripada jumlah pelajar Malaysia ini, jumlah yang paling ramai adalah terdapat di berbagai IPT negeri dan swasta di Medan Sumatera Utara iaitu 202 pelajar. Manakala di negeri-negeri lain di Indonesia, jumlahnya adalah kurang daripada jumlah pelajar seperti yang terdapat di IPT di Medan. (sila lihat Lampiran D).

Jumlah pelajar Malaysia yang ramai ini telah menarik perhatian penyelidik. Mengapa IPT di Medan diminati oleh ramai pelajar Malaysia sebagai tempat melanjutkan pelajaran dan apakah faktor-faktor yang berkaitan dengan pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran ke IPT di Medan, Indonesia?

Wawancara penyelidik dengan Encik Burhanuddin Idjab selaku Penasihat Pelajar Malaysia (PPM) Konsulat Jenderal Malaysia Medan (1993), menyatakan bahawa antara faktor berkaitan dengan ramainya pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran ke IPT di Medan adalah kerana faktor-faktor seperti berikut:

1. Kuota kemasukan ke IPT tempatan terbatas,
2. Kos pengajian di IPT Medan rendah,
3. Biaya hidup agak rendah,
4. Bahasa yang sama,
5. Faktor pergaulan sesuai,
6. Jarak Indonesia dekat, dan
7. Adanya infrastruktur komunikasi.

Penyelidik juga telah mewawancarai Saudara Kamaruddin Hussein selaku Yang Dipertua (YDP) Persatuan Pelajar-Pelajar Kebangsaan Malaysia di Indonesia (PKPMI) Medan (1993). Beliau menyatakan bahawa faktor-faktor berkaitan dengan ramainya bilangan pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran ke IPT di Medan ialah kerana faktor-faktor seperti berikut:

1. Persamaan kebudayaan,
2. Kos pelajaran dan kos hidup rendah, dan
3. Belum adanya bidang pelajaran tertentu di IPT tempatan.

Daripada hasil wawancara penyelidik mengenai faktor-faktor berkaitan dengan pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran ke IPT negeri dan swasta di Medan, beberapa faktor penting dapat dinyatakan seperti berikut ini. Faktor pertama ialah kerana kos hidup dan yuran pengajian di IPT di Medan rendah, kedua adalah kerana jarak dekat, ketiga adalah kerana wujudnya persamaan kebudayaan, keempat adalah kerana belum adanya bidang pelajaran di IPT tempatan, dan kelima kerana kuota kemasukan ke IPT tempatan terbatas.

Selain daripada faktor-faktor yang didapati ini, penyelidik ingin mengetahui apakah faktor-faktor lain yang berkaitan dengan ramainya bilangan pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran ke IPT di Medan, Indonesia. Adakah kerana faktor-faktor seperti berikut ini? Kemampuan ekonomi keluarga hanya dapat menghantar pelajar ke IPT di Indonesia?, kerana adanya biasiswa atau pinjaman kerajaan?, kerana tidak diterima melanjutkan pelajaran ke IPT tempatan atau luar negara?, kerana rendahnya penguasaan Bahasa Inggeris dan pencapaian akademik pelajar di peringkat sekolah menengah? kerana dorongan kawan - kawan dan Ibu Bapa/Penjaga? dan adakah kerana ingin melihat langsung suasana kehidupan sosial, budaya, ekonomi, dan politik Indonesia yang sebelum ini masih belum jelas diketahui?.

### Pernyataan Masalah

Kajian ini akan meninjau faktor berkaitan melanjutkan pelajaran iaitu untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang faktor berkaitan dengan pelajar Malaysia memilih melanjutkan pelajaran ke IPT di Medan, Indonesia.

Telah dikenalpasti menurut data daripada Jawatankuasa Penuntut-penuntut Malaysia di Indonesia (1992), sejumlah 956 pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran ke Indonesia. Jumlah pelajar Malaysia yang terbanyak ialah yang melanjutkan pelajaran ke IPT negeri dan swasta di Medan iaitu seramai 202 pelajar.

Hal ini menarik minat penyelidik untuk mengetahui lebih dalam lagi, faktor-faktor berkaitan pelajar Malaysia memilih belajar ke IPT di Indonesia dan kenapa tidak ke negara-negara lain?.

Aspek-aspek lain yang ingin penyelidik ketahui adalah sumber-sumber informasi yang digunakan, cara dan kekerapan menghubungi sumber informasi, perkara apa yang berminat untuk diketahui berhubung melanjutkan pelajaran ke IPT di Medan, perkara-perkara apa yang dikuatir apabila menamatkan pengajian di Indonesia dan balik semula ke Malaysia, masalah-masalah yang dialami di sepanjang pengajian, dan apakah cadangan-cadangan